

Praktis Formatif

Soalan Objektif

- 1 Apakah yang akan berlaku apabila bendasing ditambahkan ke dalam air?

What will happen when impurities are added into water?

	Takat lebur <i>Melting point</i>	Takat didih <i>Boiling point</i>
A	Meningkat <i>Increases</i>	Menurun <i>Decreases</i>
B	Meningkat <i>Increases</i>	Meningkat <i>Increases</i>
C	Menurun <i>Decreases</i>	Menurun <i>Decreases</i>
D	Menurun <i>Decreases</i>	Meningkat <i>Increases</i>

- 2 Proses manakah yang melibatkan penyerapan haba?

Which processes involve the absorption of heat?

- | | |
|-----------------------------------|--------------------------------------|
| I Pendidihan
<i>Boiling</i> | II Peleburan
<i>Melting</i> |
| III Pembekuan
<i>Freezing</i> | IV Kondensasi
<i>Condensation</i> |
| A I dan II
<i>I and II</i> | B III dan IV
<i>III and IV</i> |
| C II dan III
<i>II and III</i> | D I dan IV
<i>I and IV</i> |

- 3 Larutan kuprum(II) sulfat boleh disediakan dengan menambahkan hablur kuprum(II) sulfat ke dalam sebikar air seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Copper(II) sulphate solution can be prepared by adding copper(II) sulphate crystals into a beaker of water as shown in Diagram 1.



Rajah 1/Diagram 1

Keterlarutan kuprum(II) sulfat di dalam air dapat ditingkatkan dengan cara yang berikut kecuali

The solubility of copper(II) sulphate in the water can be increased by the following methods except

- A memanaskan campuran itu.
heating the mixture.
- B mengacau campuran itu.
stirring the mixture.
- C mengeluarkan sedikit air daripada campuran itu.
removing some water from the mixture.
- D memecahkan hablur kuprum(II) sulfat menjadi ketulan kecil.
breaking copper(II) sulphate into small pieces.

- 4 Di negara kita, apakah proses yang dilalui oleh air sebelum dibekalkan kepada pengguna?

In our country, what is the process that water goes through before it is supplied to consumers?

- | | |
|-----------------------------------|--|
| I Penapisan
<i>Filtration</i> | II Penyulingan
<i>Distillation</i> |
| III Pendidihan
<i>Boiling</i> | IV Pengklorinan
<i>Chlorination</i> |
| A I dan II
<i>I and II</i> | B III dan IV
<i>III and IV</i> |
| C II dan III
<i>II and III</i> | D I dan IV
<i>I and IV</i> |

- 5 Maklumat yang berikut menunjukkan proses-proses yang terlibat di sebuah loji pembersihan air.

The following information shows the processes involved in a water treatment plant.

- | | |
|---|---------------------------------------|
| P: Pemfluoridaan
<i>Fluoridation</i> | R: Pengenapan
<i>Sedimentation</i> |
| Q: Penggumpalan
<i>Coagulation</i> | S: Penurasan
<i>Filtration</i> |

Urutan proses manakah yang betul?


Which sequence of the processes is correct?

- | | |
|--------------|--------------|
| A Q, R, S, P | B S, R, Q, P |
| C R, Q, P, S | D P, S, Q, R |

Soalan Struktur

Rajah di bawah menunjukkan susunan radas bagi suatu eksperimen.

The diagram below shows the set up of an experiment.



Gas-gas didapati terkumpul di dalam tabung uji X dan Y pada akhir eksperimen.

Gases are found to accumulate in test tubes X and Y at the end of the experiment.

(a) Namakan proses yang ditunjukkan dalam rajah di atas.

Name the process shown in the above diagram.

[1 markah/1 mark]

(b) (i) Cadangkan satu contoh bagi bahan R.

Suggest an example of substance R.

[1 markah/1 mark]

(ii) Mengapakah bahan R ditambahkan ke dalam air suling?

Why is substance R added into the distilled water?

[1 markah/1 mark]

(c) Jika 10 cm^3 gas terkumpul di dalam tabung uji Q, ramalkan isi padu gas yang terkumpul di dalam tabung uji P.

If 10 cm^3 of gas is collected in test tube Q, predict the volume of gas collected in test tube P.

[1 markah/1 mark]

(d) (i) Cadangkan ujian untuk mengenal pasti gas yang terkumpul di dalam tabung uji P. Jelaskan.

Suggest a test to identify the gas collected in test tube P. Explain.

[2 markah/2 marks]

(ii) Cadangkan ujian untuk mengenal pasti gas yang terkumpul di dalam tabung uji Q. Jelaskan.

Suggest a test to identify the gas collected in test tube Q. Explain.

[2 markah/2 marks]